

## **PEMBENTUKAN DANA WAKAF MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SERTA APLIKASINYA DI MALAYSIA**

**Siti Mashitoh Mahamood\***

### **ABSTRACT**

*This article discusses the establishment of a wakaf fund in Malaysia within Syariah and current legal perspectives. The various contemporary modes of creating wakaf and its financial development are highlighted including wakaf shares, cash wakaf, Wakaf Takaful Plan (Pelan Takaful Wakaf), wakaf of sukuk or Islamic bond, wakaf REIT and others. The author also suggests the establishment of a National Wakaf Fund (Dana Wakaf Kebangsaan) which can benefit the nation, particularly the wakaf beneficiaries.*

### **PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan salah satu bentuk transaksi kehartaan yang dapat mengatasi masalah kemiskinan ummah di samping zakat. Ia berpotensi menjana pulangan berlipat kali ganda jika diuruskan dengan baik. Hasilnya sudah pasti dapat melegakan tanggungan Kerajaan dalam penyediaan modal pembangunan masyarakat Islam dan institusinya yang pada asalnya tertanggung di bahu mereka selain sumber perolehan Baitulmal negeri-negeri. Status wakaf sebagai *ṣadaqah jāriyah* yang dapat memberikan pahala yang berkekalan kepada seseorang pewakaf dan manfaat berpanjangan kepada benefisiarinya merupakan pencetus galakan kepada masyarakat dermawan negara bagi memperuntukkan sebahagian harta kekayaan mereka kepada tujuan suci ini. Begitu juga keanjalan perundangan Islam yang turut mengiktiraf perwakafan harta menerusi

---

\* Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

dana yang melibatkan harta alih ini dapat memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk terlibat sama secara kolektif bagi membangunkan agama, bangsa dan negara. Malah, ianya boleh diperluaskan di peringkat global supaya dapat menseimbangkan takat ekonomi masyarakat dunia khususnya yang beragama Islam. Pendekatan mewakafkan dana harta ini telahpun diamalkan di Malaysia yang melibatkan beberapa produk kontemporari yang diperkenalkan oleh Majlis-majlis Agama Islam negeri serta institusi-institusi lainnya.

### Tafsiran Dana Wakaf

Menurut Kamus Dewan, dana (*fund*) bermaksud “kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan”.<sup>1</sup> Dalam Kamus Kewangan pula, ianya didefinisikan sebagai “Wang yang diperuntukkan bagi tujuan tertentu”. Contoh bagi dana ini adalah seperti dana pencen (*pension fund*), dana *mutual* atau unit amanah (*mutual fund*) dan lain-lain lagi.<sup>2</sup>

Wakaf pula berasal daripada perkataan Arab “*waqf*” yang diambil dari katakerja (*fi'il*) *waqfa* yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'i*).<sup>3</sup> Menurut istilah yang digunakan dalam perundangan Islam pula, wakaf difahami sebagai suatu bentuk dedikasi harta sama ada secara terang (*sariḥ*) atau sindiran (*kināyah*) di mana harta (*substance*) berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan kepada tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.<sup>4</sup>

Wakaf am merupakan mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus (sama ada terdiri daripada individu ataupun mana-mana organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Perwakafan daripada kategori ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya.

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan (2005), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.310.

<sup>2</sup> Kamus Kewangan (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.32.

<sup>3</sup> Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn (1986), *al-Mabsūt*, vol. 12, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 27; Muṣṭafā Al-Khin *et. al.* (2005), *Al-Fiqh al-Manhajī*, juz. 2, cetakan 7, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 213.

<sup>4</sup> Siti Mashitoh Mahamood (2001), *Bagaimana Membuat Wakaf*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.3.

Manakala wakaf khas ialah mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu. Dalam perwakafan jenis ini, seseorang pewakaf akan menetapkan daripada awal lagi kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan manakah wakafnya mesti diaplikasikan.

Dari sudut undang-undang di Malaysia, seksyen 2(1) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No.7 Tahun 1999) (EWS) memperuntukkan tafsiran wakaf sebagai “menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949”.

Apabila perkataan dana digabungkan dengan wakaf menjadi dana wakaf, maka ia bermaksud “suatu kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan wakaf bagi maksud kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus menurut hukum Syarak”. Justeru itu, jika sesuatu kumpulan wang wakaf ataupun tabung wakaf yang dibentuk ini telah pun ditetapkan penggunaannya daripada awal lagi, misalnya untuk pembinaan premis halal (untuk jualan barang dan produk halal), maka ianya merupakan wakaf khas. Jika tujuannya tidak ditentukan maka secara jelas ia adalah wakaf am.

Pernyataan kumpulan wang yang merujuk kepada dana wakaf ini juga telah dikanunkan di bawah beberapa statut berkaitan wakaf. Ianya dikenali sebagai “Kumpulan Wang Wakaf”. Ia meliputi semua wang dan harta yang diwakafkan termasuklah apa-apa hasil atau keuntungan yang diperolehi daripada *mawqūf* atau melalui *istibdāl*.<sup>5</sup>

Dana wakaf ini bolehlah dikategorikan sebagai dana khas dalam konteks ianya perlu dirujuk kepada konsep kehartaan wakaf sebagaimana yang dinyatakan di atas di mana konsep-konsep kehartaan lain (seperti zakat, sedekah, wasiat dan lain-lain) tidak relevan. Rentetan daripada ini juga maka ia perlu diurus-tadbirkan mengikut prinsip wakaf tersendiri<sup>6</sup> dari sudut agihannya, transaksi yang dimasuki serta perkara-perkara lain yang berbangkit. Perwakafan dana sebagai *mawqūf* (harta yang diwakafkan) ini melibatkan harta alih berbentuk tunai (wakaf tunai atau wang) yang dikumpulkan bagi maksud-maksud kebajikan yang selaras dengan Hukum Syarak.

<sup>5</sup> Lihat misalnya Seksyen-seksyen 24 dan 26 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No. 5 tahun 2005) dan juga Seksyen-seksyen 2 dan 39 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 Tahun 2005).

<sup>6</sup> Untuk penjelasan prinsip wakaf ini, sila rujuk Siti Mashitoh Mahamood (2001), “The Legal Principles of *Waqf*: An Analysis”, *Syariah Journal*, 9:2 (2001), h. 1-12.

## Pembentukan Dana Wakaf Mengikut Perspektif Syariah

### Kategori Harta Yang Boleh Diwakafkan

Secara dasarnya, perwakafan perlu dibuat daripada harta tak alih (*immovable*) seperti membabitkan tanah dan bangunan demi memelihara prinsip utama perwakafan, iaitu syarat kekal (*permanency*). Perwakafan daripada harta tak alih di bawah kategori kekal ini pada hakikatnya telah dipersetujui oleh kesemua sarjana perundangan Islam sebagai perwakafan yang sah dan boleh berkuatkuasa.<sup>7</sup> Keesahan ini adalah didasarkan kepada perwakafan Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya yang menjadikan harta kekal ini sebagai *mawqūf* mereka.<sup>8</sup> Tambahan pula, terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak ada harta yang diwakafkan kecuali daripada tanah dan bangunan.<sup>9</sup>

Berhubung perwakafan daripada harta alih (*movable*) pula, secara dasarnya, perwakafannya adalah tidak sah berdasarkan kepada analogi keperluan syarat kekal yang menjadi kehendak utama dalam sesuatu perwakafan.<sup>10</sup> Adalah sukar untuk

<sup>7</sup> Al-Bujayrimī, al-Syaykh Sulaymān (1951), *Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*, edisi akhir, juz. 3, Mesir: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, h. 204; Al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-`Abbās Aḥmad b. Ḥamzah ibn Syihāb al-Dīn (1967), *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, edisi akhir, juz. 5, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, h. 362; Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yāḥyā b. Syarf (t.t.), *Rauḍah al-Tālibīn*, juz. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 378; Al-Dardīr, Al-Dardīr, Abū al-Barakāt Aḥmad b. Muḥammad b. Aḥmad (1986), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr `alā 'Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, Kaherah: Dār al-Ma`ārif, h. 101-102; Al-Mawartānī (al-Dāh al-Syanqaytī), Muḥammad b. Aḥmad (1974), *Fath al-Raḥīm `alā Fiqh al-Imām Mālik*, edisi kedua, juz. 2, ttp: Dār al-Fikr, h. 166.

<sup>8</sup> Amalan wakaf mereka boleh dirujuk dalam Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Wahid al-Siwāsi al-Sakandri (1316 AH), *Syarḥ Fath al-Qadīr*, juz. 5, Bulāq (Mesir): al-Kubrā al-Amīriyyah, h. 49; Lihat juga Al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī b. Abī Bakr b. ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī (t.t.), *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, edisi akhir, juz. 3, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, h. 15-16; Al-Syawkānī, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad (t.t.), *Nayl al-Awṭār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār*, juz. 5, ttp: Dār al-Fikr, h. 129.

<sup>9</sup> Ibn Qudāmah, Muwaffiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abdullah b. Aḥmad b. Muḥammad (1972), *al-Mughnī*, vol. 6, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 237; Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, Syams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥmān b. Abī ‘Amr Muḥammad b. Aḥmad (1972), *al-Syarḥ al-Kabīr*, vol. 6, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 188; Ibn ‘Ābidīn, Muhamad Amin (1966), *Hāsyiyah Radd al-Muhtār `alā al-Durr al-Mukhtār*, edisi kedua, juz. 4, ttp: Dār al-Fikr, h. 377; al-Ramlī (1967), *op.cit.*, h. 359.

<sup>10</sup> Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h. 364.

mempastikan harta alih ini kekal abadi hingga ke akhirnya memandangkan ianya mudah rosak dan binasa.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang membolehkan perwakafan daripada harta alih ini. Imam Syafie sendiri berpandangan bahawa setiap harta yang boleh dijual-beli boleh juga diwakafkan selagi mana manfaat yang dinikmati oleh benefisiarinya dapat diperolehi secara kekal. Justeru itu, perwakafan yang dibuat daripada harta alih di mana manfaatnya diperolehi dengan memusnahkan fizikal harta berkenaan seperti makanan dan minuman, adalah tidak sah. Ini kerana fizikal harta daripada kategori ini tidak dapat dikenalkan dalam bentuknya yang asal, malah ia perlu dimusnahkan terlebih dahulu menerusi penggunaannya sendiri seperti makanan yang dimakan dan minuman yang diminum. Pandangan ini turut dipelopori oleh mazhab-mazhab lain seperti Hanbali dan Maliki.<sup>11</sup>

Berikut dengan pandangan di atas, Ibn Qudāmah al-Maqdisī menyamakan ketidakesahan kategori harta di atas dengan perwakafan yang dibuat daripada lilin yang digunakan untuk mendapatkan cahaya di mana ianya akan habis bila digunakan.<sup>12</sup> Bagi mazhab Hanafi pula, hanya harta alih yang melekat kepada harta tak alih secara kekal sahaja yang boleh diwakafkan kerana ia akan turut sama menyumbang kepada tujuan yang diwakafkan.<sup>13</sup> Dalam hal ini, Abū Yūsuf berpendapat bahawa mewakafkan harta alih secara sendiri tidak sah, kecuali jika membabitkan kuda dan peralatan perang memandangkan wujudnya bukti perwakafan ini seperti yang dikemukakan oleh hadith Rasulullah s.a.w. sendiri.<sup>14</sup> Imam Muḥammad Al-Syaybānī serta Ibn Qudāmah juga bersetuju mengenainya.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, Imām Muḥammad Al-Syaybānī berpandangan bahawa untuk mengesahkan perwakafan sesuatu harta alih, uruf masyarakat setempat perlulah dilihat terlebih dahulu. Justeru, bagi beliau, mewakafkan

<sup>11</sup> Al-Nawawī, *op.cit.*, h. 380; al-Ramlī, *op.cit.*, h. 362; al-Bujayrimī, *op.cit.*, h. 205; Ibn al-Humām, *op.cit.*, h.51; Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h.364; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h.191; Al-Dardīr, *op.cit.*, h.102.; Al-Marghinānī *op.cit.*, h.16.

<sup>12</sup> Ibn Qudāmah, *ibid.*, h. 191-192.

<sup>13</sup> Al-Marghinānī, *op.cit.*, h.15; Ibn al-Humām, *op.cit.*, hh.48-49.

<sup>14</sup> Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhārī yang menyatakan perwakafan Khālid Ibn al-Walīd yang mewakafkan kedua-dua kategori harta di atas pada jalan Allah. Lihat Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Alī b. Ḥajr (1993), *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, Riyāḍ: Maktabah Dār al-Salām and Damsyik: Maktabah Dār al-Fayhā’, h. 274; Lihat juga Al-Tarabulī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm b. Mūsā b. Abī Bakr Ibn al-Saykh ‘Alī (1981), *al-Is ‘āf fi Aḥkām al-Awqāf*, Beirut: Dār al-Rāi’ d al-‘Arabi, h. 28.

<sup>15</sup> Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h.363; lihat juga *Fatāwā Hindiyah (t.t)*, edisi 4, juz. 2, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, h. 36; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h.238.

kapak, penyodok termasuk dinar dan dirham, kain kapan dan periuk kawah<sup>16</sup> dan lain-lain peralatan yang sememangnya telah dijadikan subjek bermuamalah adalah dibolehkan.<sup>17</sup> Malah, pendirian ini ada kaitannya dengan satu hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud “Apa yang dilihat baik oleh kaum Muslimin, adalah juga baik pada pandangan Allah s.w.t.”.<sup>18</sup>

### **Wang Sebagai Dana Wakaf**

Secara umumnya, perwakafan wang adalah dibolehkan mengikut apa yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. dan juga pandangan para sarjana perundungan Islam dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

Menurut Ibn ‘Ābidīn, mewakafkan wang ataupun duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuknya yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menuarkannya kepada bentuk yang lain (atau harta lain yang bersifat kekal). Dalam masa yang sama, beliau berpandangan bahawa keesahannya hanya terhenti kepada uruf masyarakat setempat, di mana ini ternyata sama dengan pendirian Muḥammad al-Syaybānī. Beliau menambah bahawa, jika amalan masyarakat itu jarang-jarang sekali berlaku, maka ini tidak dianggap sebagai adat kebiasaan masyarakat memandangkan penggunaan perkataan *ta‘āmul (dealing)* itu sendiri menunjukkan pemakaianya yang kerap berlaku.<sup>19</sup>

Pernah dilaporkan oleh Muḥammad, iaitu anak lelaki kepada ‘Abdullāh al-Anṣārī, yang merupakan sahabat Zufar, di mana beliau berpandangan bahawa wang (*dirhām*) boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (diwakafkan). Lebih daripada itu, pandangan ini menegaskan barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang sah diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperolehi daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.<sup>20</sup>

<sup>16</sup> Ibn ‘Ābidīn, *ibid.*, h.363-364.

<sup>17</sup> Ibn ‘Ābidīn, *ibid.*, h. 164 dan 363; al-Marghīnānī, *op.cit.*, h.16; Al-Sarakhsī, *op.cit.*, h.45.

<sup>18</sup> Lihat dalam Aḥmad Ibn Ḥanbal (t.t.), *Musnad al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal*, juz. 1, ttp., h. 379.

<sup>19</sup> Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h.364.

<sup>20</sup> Ibn al-Humām, *op.cit.*, h.51; Ibn ‘Ābidīn, *ibid.*; al-Ṭarabulsi, *op.cit.*, h. 26.

Melalui bentuk-bentuk pelaburan di atas, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak harta-harta wakaf yang baru dalam bentuk harta kekal. Implikasi daripada konsep ini sebenarnya, mampu menambah satu lagi keperluan baru dalam syarat harta alih yang boleh diwakafkan, iaitu sesuatu aset yang hendak diwakafkan hendaklah terdiri daripada harta yang dapat memberikan manfaat yang berpanjangan.

### **Kesimpulan Harta Yang Boleh Diwakafkan**

Berasaskan kepada perbincangan para sarjana perundangan Islam berhubung dengan harta-harta yang boleh diwakafkan, dapat disimpulkan bahawa semua kategori harta boleh dijadikan subjek perwakafan, asalkan ia dapat memberi manfaat yang berkekalan kepada benefisiarinya ataupun harta-harta berkenaan boleh digunakan secara kekal dalam merealisasikan tujuan-tujuan kebajikan yang disalurkan. Pandangan ini banyak didasarkan kepada pendirian mazhab Syafie sepertimana yang turut dipelopori oleh mazhab-mazhab lain sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi. Justeru itu, kita di Malaysia sama ada sedar ataupun tidak, pada hakikatnya tidak mempunyai masalah dalam menggunakan pandangan tersebut memandangkan mazhab Syafie telah diiktiraf sebagai pegangan yang formal dalam amalan semasa masyarakat di Negara ini.<sup>21</sup>

Perlu dinyatakan di sini bahawa harta-harta ini mestilah terdiri daripada jenis yang tidak mudah rosak ataupun habis bila digunakan. Justeru, mewakafkan harta-harta seperti makanan, lilin ataupun apa-apa jenis harta yang seumpamanya adalah tidak sah. Apa yang lebih penting lagi adalah harta yang diwakafkan mestilah menepati ciri-ciri kehartaan yang telah digariskan oleh Syarak. Selain daripada itu, ia mestilah sesuatu yang bernilai atau halal dan tidak boleh dilakukan daripada harta-harta yang diharamkan oleh Syarak seperti arak, khinzir dan lain-lain lagi, bukan daripada milik orang lain dan boleh dimanfaatkan.

---

<sup>21</sup> Lihat misalnya Seksyen 54(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 49 (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No. 4 tahun 2004) yang memperuntukkan bahawa: Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakunkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie. Seksyen 48 adalah berkaitan tatacara pembuatan fatwa maanakala seksyen 53 adalah berkaitan permintaan mahkamah selain Mahkamah Syariah (Mahkamah Sivil) untuk mendapatkan pendapat Jawatankuasa Fatwa mengenai Hukum Syarak.

Di zaman sekarang ini, wang boleh diwakafkan, apatah lagi ia merupakan suatu alat pertukaran (*medium of exchange*) yang digunakan di negara ini. Malah, perwakafan daripada kategori ini sudahpun biasa di negara-negara Islam yang lain termasuk di negara Eropah sendiri. Misalnya di Jerman pada abad ke-14 M, wakaf dalam bentuk wang tunai (*cash waqf*) telah diperkenalkan. Nilainya dapat dipertingkatkan dengan menambah jumlah tabungan di dalamnya dari semasa ke semasa.<sup>22</sup> Perwakafan dalam bentuk wang dan dana ini telah diiktiraf secara perundangan (diterimakan dan disahkan di Mahkamah) oleh Kerajaan Uthmaniyyah Turki dan telah menjadi bentuk wakaf yang dominan di seluruh Anatolia dan Balkan yang berlaku di sekitar abad ke-15-16 M. Dikatakan di daerah dan wilayah lain di negara-negara Arab pada ketika itu, amalan seumpama ini tidak dibenarkan berdasarkan sifat kontroversi perwakafan daripada kategori harta alih ini yang didapati mengganggu-gugat syarat kekal sesuatu perwakafan.<sup>23</sup> Namun, kini ianya telah diterimakan di kebanyakan negara seperti India, Pakistan, Iran, Mesir dan lain-lain lagi termasuklah Singapura<sup>24</sup> dan Malaysia. Mesir telah memasukkan peruntukan berkaitan dengannya ke dalam Perkara 8, *Qānūn bi Aḥkām al-Waqf* yang memperuntukkan tentang perwakafan harta alih dan tak alih.<sup>25</sup>

Lebih daripada itu, penggunaan aset dalam bentuk *liquid* (iaitu sejenis harta alih yang tiada amalan mengikat) sebagai wakaf sebenarnya telah menjadi suatu fenomena biasa semasa Kerajaan Uthmaniyyah memandangkan kepentingannya.<sup>26</sup> Justeru, perwakafan wang sebagai subjek perwakafan adalah dibolehkan. Walaubagaimanapun, wang yang diwakafkan ini, seperti juga keuntungan daripada pelaburan-pelaburan yang dimasuki boleh digunakan atau ditukar kepada harta-harta tak alih, khususnya melalui pembelian.

Ibn ‘Ābidīn sendiri pernah membincangkan tentang perwakafan daripada jenis wang di mana menurutnya, walaupun fizikal harta ini tidak boleh dikekalkan, tetapi prinsip pengekalannya boleh direalisasikan melalui pertukarannya dengan harta lain yang bersifat kekal.<sup>27</sup>

<sup>22</sup> Cizakca, Murat (1998), "Awqaf In History and Implications for Modern Islamic Economics", *International Seminar on Awqaf and Economic Development*, Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur, 2-4 March, h. 14.

<sup>23</sup> Isu kontroversi berkaitan wakaf daripada harta alih ini telah dibincangkan oleh A. Al-Ma’mun Suhrawardy (1911), "The Waqf of Movables", *Journal of the Royal Asiatic Society Bengal*, June 1911, vol. 7, no. 6.

<sup>24</sup> Cizakca, Murat, *op.cit.*, h.14-15.

<sup>25</sup> Undang-Undang No. 48 tahun 1946.

<sup>26</sup> Barnes, John Robert (1986), *An Introduction to Religious Foundations in the Ottoman Empire*, Leiden: E.J. Brill, h. 50.

<sup>27</sup> Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h.364.

Perwakafan melalui wang ini boleh juga dibuat secara gabungan dengan membabitkan individu-individu tertentu yang secara sukarela memberi sumbangan ikhlas mereka. Sumbangan yang dibuat secara kolektif ini dapat memberi peluang kepada golongan masyarakat yang berpendapatan sederhana ataupun rendah untuk sama-sama membabitkan diri dalam ibadat perwakafan ini. Ianya termasuk dalam kategori wakaf *musytarak*<sup>28</sup> yang melibatkan penyatuan harta-harta yang diwakafkan oleh sekelompok masyarakat kepada tujuan-tujuan kebajikan yang diiktiraf oleh Syarak.

Perkara berkaitan dengan perwakafan harta alih adalah sangat relevan dengan zaman sekarang apatah lagi apabila harta tak alih khususnya tanah telah menjadi aset yang berkurangan. Perwakafan daripada harta dari kategori harta alih ini turut dibincangkan oleh ahli perundangan Islam dahulu, termasuk pemakaianya di zaman Rasulullah dan para sahabat.<sup>29</sup>

### **Pembentukan Dana Wakaf Mengikut Amalan Di Malaysia**

#### *Bentuk Dana dan Harta Wakaf*

Di Malaysia, dana dan harta wakaf yang ada adalah dalam bentuk berikut:

- a) Masjid dan tanah perkuburan
- b) Surau, sekolah dan pondok pendidikan
- c) Ladang pertanian, kebun, dusun dan bendang
- d) Hasil sewaan
- e) Tanah terbiar
- f) Bangunan (kedai, rumah kedai, kediaman)
- g) Hasil sewaan bangunan
- h) Wakaf wang tunai
- i) Saham wakaf
- j) Wakaf saham
- k) Wakaf kaki

---

<sup>28</sup> Seksyen 9(2)(d) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No. 7 tahun 1999) dan Seksyen 9(2)(d) Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005) memperuntukkan wakaf *musytarak* sebagai “penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdāl* dan saham wakaf .

<sup>29</sup> Untuk rujukan ditil mengenai wakaf harta alih ini, lihat Siti Mashitoh Mahamood, *The Administration of Waqf, Pious Endowment in Islam: A Critical Study of the Role of the State Islamic Religious Councils as the Sole Trustees of Awqaf Assets and the Implementation of Istibdal in Malaysia With Special Reference to the Federal Territory of Kuala Lumpur*, Tesis Ph.D, University of Birmingham, 2000, hh.57-63.

- l) Wakaf jemba
- m) Wakaf korporat
- n) Skim/Pelan takaful wakaf
- o) Lain-lain harta alih (mesin hemodialisis dll.)

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, perlu disedari bahawa majoriti harta yang diwakafkan adalah dalam bentuk wakaf khas yang terdiri daripada masjid dan tanah perkuburan.

Wakaf dalam bentuk dana tidaklah begitu popular di dalam masyarakat kita dewasa ini. Namun demikian, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) pada hakikatnya telah melaksanakannya dengan pengendalian oleh Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak dalam bentuk wang tunai. Peruntukan statutori mengenainya telah lama disempurnakan di bawah Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 bahawa: “Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri boleh-lah menerima wang tunai daripada siapa-siapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan bagi-nya”.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang pula seterusnya mengorak langkah dengan memperkenalkan Skim Dana Wakafnya yang tersendiri pada 17 Julai 2005 bersamaan dengan 10 Jamadil Akhir 1426 H. Perkembangan terkini pula menyaksikan Negeri Sembilan telah menawarkan skim wakafnya yang turut menjadikan wang tunai sebagai dana yang boleh diwakafkan menerusi Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 yang diletakkan di bawah Seksyen 11(1)(a). Kesemua ini melibatkan perwakafan dana tunai di peringkat permulaan yang kemudiannya diaplikasikan kepada pembelian aset kekal ataupun disalurkan terus kepada tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh hukum Syarak. Selain daripada itu, terdapat syarikat-syarikat kewangan dan organisasi lain di negara ini yang turut memperkenalkan amalan berwakaf melalui pembentukan dana wakaf seperti Syarikat Takaful Malaysia Bhd. yang telah memperkenalkan Pelan Takaful Wakaf.<sup>30</sup>

Johor Corporation pula menerusi Masjid An-Nur Kotaraya ada mengadakan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dengan mewujudkan Klinik Waqaf An-Nur yang telah dapat mempromosikan produk *sadaqah jāriyah* ini di kalangan masyarakat membabitkan antara lain sumbangan dalam bentuk dana wakaf secara

---

<sup>30</sup> Mohd Fauzi Mustaffa (2006), “Peranan Takaful Dalam Penjanaan Wakaf Tunai Sebagai Produk Baru Wakaf”, Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.

tunai.<sup>31</sup> termasuk wakaf mesin hemodialisis.<sup>32</sup> Klinik ini merupakan sebuah pusat kesihatan yang berteraskan konsep wakaf. Sebuah Pusat Dialisis telah dibina bersebelahan dengan klinik tersebut. Pada hakikatnya, Johor Corporation telah mewakafkan Lot 85, 86 dan 87 Tingkat 3, Plaza Kotaraya bersebelahan Masjid An-Nur Johor Bahru sebagai tapak klinik tersebut dengan kos pembangunan keseluruhan sebanyak RM 425,160.20. Jumlah ini juga merupakan sebahagian sumbangan Johor Corporation kepada aktiviti-aktiviti wakaf anjuran klinik ini.<sup>33</sup> Sementara itu, pada 16 November 1999, Duli Yang Maha Mulia Sultanah Johor turut mewakafkan sebuah mesin hemodialisis dan 6 buah lagi oleh Majlis Agama Islam Johor untuk kegunaan pesakit di Klinik Waqaf An-Nur dan Pusat Dialisis. Seterusnya, pada 6 September 2002, klinik ini telah menerima cek berjumlah RM227,700.00 daripada Majlis Agama Islam Johor di mana menerusinya, 3 buah mesin hemodialisis lagi telah dibeli dan juga sebuah mesin *reverse osmosis* dan sebuah generator yang semuanya ditempatkan di Pusat Dialisis Klinik Wakaf An-Nur Masjid Jamek Sultan Ismail, Batu Pahat.<sup>34</sup>

Perlu dinyatakan di sini juga bahawa berkuatkuasa pada 1 Disember 1999, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memberi pelepasan cukai kepada penderma-penderma Dana Klinik Waqaf An-Nur ini mengikut seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Justeru, negeri-negeri lain yang akan dan sedang menjalankan aktiviti kutipan dana ini juga hendaklah memohon untuk mendapat pelepasan ini. Penulis yakin, menerusi hebahan mengenainya, masyarakat akan bermotivasi untuk melaksanakan amalan *ṣadaqah jāriyah* yang dibincangkan ini. Setakat ini, telah ada Majlis Agama Islam Negeri yang turut berjaya mendapatkan pelepasan cukai bagi dana yang diwakafkan seperti Melaka, Pahang, Selangor dan Pulau Pinang. Penulis mencadangkan agar pelepasan cukai kepada pewakaf ini hendaklah dimasukkan juga ke dalam borang wakaf, *pamphlet* ataupun *brochure* yang mempromosikan perwakafan dana wakaf ini.

Perwakafan dalam bentuk dana juga boleh berlaku menerusi saham wakaf yang diwujudkan di beberapa negeri di Malaysia. Ini memandangkan pada kebiasaannya prosesnya adalah dimulakan dengan pengumpulan dana atau kumpulan wang berbentuk

<sup>31</sup> Sumbangan wang tunai ini dinamakan sebagai Dana Klinik Waqaf An-Nur yang boleh juga dibuat menerusi cek ataupun wang pos. Lihat Borang Sumbangan Derma Ikhlas, Klinik Waqaf An-Nur, Johor Bahru: Masjid An-Nur.

<sup>32</sup> Lihat Johor Corporation, <http://www.jcorp.com.my/waqafannur/page.htm> bertarikh 23 Oktober 2007.

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Lihat *Warqah* (Buletin Klinik Waqaf An-Nur Kotaraya, Johor Bahru), Siri 22/2002, h.1.

tunai yang kemudiannya diaplikasikan kepada pembelian aset kekal di mana hasilnya akan disalurkan kepada tujuan-tujuan kebajikan yang dibenarkan oleh Hukum Syarak.

Sebagai contoh, tafsirannya dapat dilihat di dalam Seksyen 2 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (no. 7 1999), iaitu “pewujudan suatu wakaf melalui saham-saham yang ditawarkan dan kemudiannya diwakafkan oleh pembeli kepada Majlis. Pelaksanaannya dinyatakan di bawah Seksyen 17(1) enakmen yang sama bahawa: “Majlis boleh menawarkan saham wakaf terhadap apa-apa harta yang diperolehinya atau yang akan diperolehinya kepada mana-mana orang untuk saham-saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis”.

Contoh perwakafan negeri-negeri lain<sup>35</sup> dapat dilihat di Johor,<sup>36</sup> Melaka,<sup>37</sup> Pulau Pinang,<sup>38</sup> Pahang<sup>39</sup> dan yang terkini adalah di Negeri Sembilan.<sup>40</sup> Selanjutnya, menerusi Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 juga di bawah Seksyen 11(1)(b), penawaran bon wakaf atau surat cara lain bagi jaminan berharga telah ditawarkan kepada mana-

<sup>35</sup> Lihat Abdul Monir Yaacob *et. al.* (2004), “Wakaf: Konsep, Perundungan dan Prospek Pembangunannya di Malaysia, dalam *Jurnal Undang-Undang IKIM*, vol.8, no. 1, Januari-Jun 2004, h. 190 dan Ahmad Zaki Hj. Abdul Latiff *et. al.* (2005), “Pengurusan Harta Wakaf di Malaysia: Cabaran dan Potensi Masa Depan” dalam *Jurnal Akademik*, jilid 5, Januari-Jun 2005, h. 24.

<sup>36</sup> Lihat “Saham Wakaf Johor ke Brunei”, *Berita Minggu*, 14 November, 1993; “MAIJ Majukan Tanah Skim Wakaf Ladang”, *Utusan Malaysia*, 21 September, 1994 dan “Saham Wakaf Majukan Ekonomi Umat Islam”, dalam *ibid.*, 10 Oktober, 1995; “Keperluan Bank Pembangunan Wakaf”, *Utusan Malaysia*, 13 September 1996. Untuk pemakaian peruntukan statutorinya lihat Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 (J.P.U. 51/85) yang mentafsirkannya sebagai “mengujudkan (mewujudkan) suatu Wakaf Musytarak melalui saham-saham dengan syarat wakaf atau yang kemudian daripadanya diwakafkan”.

<sup>37</sup> Lihat “Melaka Tubuh Saham Wakaf”, *Watan*, 27 Mac 1995; “Saham Wakaf Majukan Ekonomi Umat Islam”, *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 1995; “Keperluan Bank Pembangunan Wakaf”, *Utusan Malaysia*, 13 September 1996. Untuk pemakaian peruntukan statutorinya lihat Seksyen 2 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005) yang turut mentafsirkan saham wakafnya sama seperti Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.

<sup>38</sup> Lihat “Saham Wakaf Angkat Martabat Ekonomi Melayu”, *Utusan Malaysia*, 31 Disember 1994; “Saham Wakaf Majukan Ekonomi Umat Islam”, *ibid.*; “Keperluan Bank Pembangunan Wakaf”, *ibid.* Kini Pulau Pinang hanya menawarkan Dana Wakaf sebagai ganti Saham Wakaf.

<sup>39</sup> Kaedah-kaedah Saham Wakaf 1998, Pahang, P.U.2/1998.

<sup>40</sup> Penawaran saham wakafnya telah dibuat di bawah Seksyen 11(1)(b) Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005.

mana orang, persatuan atau institusi untuk kemudiannya diserahkan sebagai wakaf oleh pembeli bon atau surat cara lain tersebut kepada Majlis.

Selain daripada itu, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) turut menawarkan saham wakafnya termasuk Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sebelum ini yang telah memperkenalkan Skim Pembangunan Wakaf Nasional<sup>41</sup> dalam usaha mempromosikan budaya beramal jariah di kalangan masyarakat Malaysia.<sup>42</sup>

Pendekatan berwakaf menerusi dana dan saham wakaf serta harta-harta kontemporari lain yang disebutkan ini sangat sesuai dilaksanakan di negara ini tanpa hanya menyempitkan pelaksanaannya melalui wakaf dalam bentuk tanah dan bangunan sahaja. Menyedari harta daripada kategori ini khususnya tanah amat berkurangan sekali, maka masyarakat perlu menggunakan pendekatan baru supaya amalan berwakaf tidak mati ditelan zaman dan pupus begitu sahaja.

Mengenai syarat kekal dalam sesuatu perwakafan, keperluannya melalui saham wakaf dan dana wakaf ini boleh direalisasikan menerusi konsep *istibdāl*.<sup>43</sup> Ini membabitkan

<sup>41</sup> Skim ini diperkenalkan pada 22 September 1995 kepada masyarakat untuk membangunkan tanah wakaf; Temubual bersama Pengarah Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn. Bhd, Tuan Hj. Tarmizi b. Mohd. Saad pada 5 Mac 1999; maklumat ini boleh juga didapati di dalam Pamflet Maklumat Korporat perbadanan ini.

<sup>42</sup> Hj. Abdul Malek Awang Kechil (2004), “Peranan YPEIM Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Ummah”, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Peranan Harta Sadaqah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Ummah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, 13-14 Januari 2004, h. 191 dan 196.

<sup>43</sup> Perkataan “*istibdāl*” diambil daripada perkataan *ibdāl*, yang bermaksud mengeluarkan harta yang diwakafkan daripada syarat-syarat asal pewakaf untuk ditukarkan kepada harta yang lain di mana harta yang kedua ini akan dijadikan wakaf bagi menggantikan yang pertama. Segala syarat-syarat wakaf yang dibuat oleh pewakaf akan diaplikasikan kepada harta yang kedua ini. Kategori harta ini (harta yang menggantikan harta wakaf) dikenali sebagai *al-badal*(*amwāl al-badal*). Al-Zarqā’, Muṣṭafā Ḥamad (1997), *Aḥkām al-Awqāf*, edisi pertama. ‘Ammān: Dār ‘Ammār, h. 171; Ḥarīz, Salīm (1994), *Al-Waqf: Dirāsāt wa Abḥāth*. Beirut: al-Jāmi‘ah al-Lubnāniyyah, h. 74; Sya’bān, Zāki al-Dīn et.al. (1989), *Aḥkām al-Wasiyyah wa al-Mīrāth wa al-Waqf fi al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Fallāḥ, edisi kedua, h. 534; Ḥarīz, 1994, op.cit., h. 74. Untuk rujukan lanjut mengenai *istibdāl* ini termasuk tentang pelaksanaannya di Malaysia, lihat Siti Mashitoh Mahamood (2002), *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

penukaran dana daripada saham yang diwakafkan kepada aset berbentuk harta tak alih. Aplikasi ini adalah bertepatan dengan pandangan yang ada dikemukakan oleh Ibn ‘Ābidīn yang telah dinyatakan sebelum ini.

Pun begitu, pemakaian pandangan yang dikemukakan oleh Imam Mālik dan mazhab Maliki serta Imam Abū Ḥanīfah yang tidak menyokong kepada keperluan syarat kekal bagi sesuatu perwakafan ini<sup>44</sup> boleh juga digunakan. Dalam hubungan ini, Imam Mālik merasa yakin bahawa wakaf tanpa terikat kepada prinsip kekal ini dibolehkan demi untuk memperluaskan amalan berwakaf ini di kalangan masyarakat.<sup>45</sup> Walaubagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa perwakafan daripada kategori masjid dan tanah perkuburan hendaklah dibuat secara kekal berdasarkan persetujuan kesemua sarjana perundangan Islam<sup>46</sup> kecuali jika pendekatan *istibdāl* diikuti dalam situasi yang mendesak.

Sehingga kini, nampaknya kecenderungan masyarakat masih lagi kepada mewakafkan harta-harta tak alih sebagai subjek perwakafan mereka. Dalam hubungan ini, Majlis Agama Islam Negeri perlu mengambil inisiatif untuk memperkenalkan secara lebih bersungguh-sungguh wakaf daripada kategori harta-harta baru masa kini sebagaimana yang dibincangkan di dalam artikel ini. Penyebarannya melalui media cetak dan media elektronik perlu dibuat supaya masyarakat nampak kepentingan dan statusnya sebagai alternatif untuk berwakaf selain daripada tanah dan bangunan semata-mata. Langkah yang efektif bagi menarik perhatian masyarakat untuk berwakaf adalah dengan siaran iklan di kaca tv termasuklah menerusi suratkhabar-suratkhabar yang ada di pasaran.

Lebih daripada itu, perwakafan menerusi pembentukan Bon Wakaf (sukuk wakaf) sebagaimana yang ditawarkan di bawah Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 hendaklah dimulakan supaya pembangunan wakaf dapat dibiayai sewajarnya. Begitu juga pemakaian kontemporari *wakafREIT* dengan konsep Amanah Pelaburan Harta

<sup>44</sup> *al-Fatāwā al-Hindiyah* (t.t.), *op.cit.*, h. 357; Ur-Rahman, *Tanzil*, (Dr.) (1980,), *A Code of Muslim Personal Law*, vol. 2, edisi pertama, Karachi: Islamic Publishers, h. 116; Al-Zuhaylī, Wahbah (Dr.) (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 8, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 205.

<sup>45</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *ibid.*.

<sup>46</sup> Al-Ramlī, *op.cit.*, h.395; Al-Khaṣṣāf, Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Amr (1904), *Kitāb Ahkām al-Awqāf*, Kaherah: Diwān ‘Umūm al-Awqāf al-Miṣriyyah, h. 157; Abū Zuhrah, Muḥammad (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, ttp: Aḥmad ‘Alī Mukhaymar, h. 86, 90 dan 183.

Tanah ataupun lebih dikenali sebagai REITs (*Real Estate Investment Trusts*)<sup>47</sup> yang boleh diaplikasikan dalam membangunkan dana wakaf ini. Singapura di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah berjaya melaksanakan pembangunan harta wakafnya melalui aplikasi kontrak-kontrak muamalah Islam melibatkan misalnya bon atau sukuk *musyārakah*, dan *ijārah*,<sup>48</sup> termasuklah melaksanakan “internal REITs” bagi pembangunan harta wakaf di negaranya.<sup>49</sup> Begitu juga Arab Saudi yang telah membangunkan *Zam Zam Tower Complexnya* (Kompleks Menara Zam Zam) dengan menggunakan metode sukuk atau bon Islam ini menerusi pemakaian *sukūk al-intifā’* (*timeshare bond*).<sup>50</sup>

Pada hakikatnya, suatu anjakan paradigma perlu dibuat dikedua-dua belah pihak, iaitu Majlis Agama Islam Negeri dan pihak pewakaf sendiri untuk memperluaskan amalan berwakaf kepada harta-harta alih dalam bentuk yang dibincangkan ini. Masyarakat perlu mengetahui bahawa wakaf boleh juga dibuat daripada harta alih dan dapat dibangunkan pula dengan metode-metode kontemporari berlandaskan syariah yang dapat memberikan manfaat kekal kepada benefisiarinya. Sementara itu di pihak Majlis, mereka perlu bersedia dari segala sudut untuk menguruskan aset-aset dalam kategori ini secara professional. Pelantikan agen profesional bagi mengendalikannya merupakan suatu langkah yang bijak bagi mengatasi masalah ketiadaan staf atau pegawai Majlis yang kompeten. Ianya juga boleh dilaksanakan secara usahasama ataupun penubuhan syarikat ataupun perbadanan khusus untuk merealisasikannya. Kupasan ditil mengenai cadangan ini boleh dirujuk di bahagian pemakaian peruntukan statutori berikutnya.

### Cadangan Pembentukan Dana Wakaf Kebangsaan (DWK)

Dalam hubungan meningkatkan dana wakaf di negara ini, penulis mencadangkan pengenalan Dana Wakaf Kebangsaan (DWK) yang boleh disumbangkan oleh mana-mana masyarakat Malaysia, tidak kira yang beragama Islam ataupun tidak.

<sup>47</sup> Lihat perbincangan mengenai *wakaf REIT ini dalam* Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad and Syarqawi Bin Muhammad (2007), “Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah Di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)”, = Seminar on Southern Johor Development: Prospects and Challenges in the 21st Century, 28 Jun 2007.

<sup>48</sup> Shamsiah Abd Karim (2007), “Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore: Challenges & Prospects”, Singapore International Waqf Conference 2007, The Fullerton Hotel, Singapura, 6-7 Mac 2007, h.12.

<sup>49</sup> Shamsiah Abd Karim (2007), *ibid.*, h. 6.

<sup>50</sup> Habib Ahmed (2004), *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation*, Jeddah: Islamic Development Bank (IDB) dan Islamic Research and Training Institute (IRTI), h.128-129.

Idea ini adalah didasarkan kepada penelitian secara perbandingan dengan cadangan Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia untuk mewujudkan Dana Musyarakah Universal (UMF) yang akan dikendalikan di bawah bidang kuasa Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi membantu negara Islam di dunia dalam menangani isu kemiskinan dan pembangunan ekonominya.<sup>51</sup> Dalam perkembangan lain baru-baru ini, Perdana Menteri turut mencadangkan pembentukan Tabung Wakaf Sedunia (TWS) bagi tujuan yang sama.<sup>52</sup> Justeru, kalaularah aplikasi UMF dan TWS ini untuk masyarakat Islam di peringkat antarabangsa, maka Dana Wakaf Kebangsaan ini pula akan melibatkan seluruh pelusuk masyarakat di negara ini sama ada membabitkan pewakaf dan benefisiarinya. Lagipun, keutamaan hendaklah diberikan kepada negara sendiri yang didapati masih memerlukan dana wakaf ini.

Penubuhan baru satu Entiti Wakaf Peringkat Kebangsaan (EWPK) di masa akan datang wajar mengambil amanah pengendalian DWK ini supaya urusan kutipan dan agihan yang melibatkan kesemua negeri di Malaysia dapat dipusatkan. Jika keperluan negara sudah mencukupi, maka dana terkumpul boleh disumbangkan kepada pembangunan wakaf negara-negara lain di dunia. Pengwujudan Dana Wakaf Global (DWG) yang menyamai TWS yang dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri tadi boleh diadakan bagi maksud tabungan dan pengumpulan khusus untuk kegunaan negara-negara luar di peringkat global. Alternatifnya, EWPK boleh bekerjasama dengan IDB dalam merealisasikan perkara kedua ini memandangkan badan tersebut telahpun menubuhkan *IDB Wakaf Fund* untuk tujuan yang sama juga.

Dalam mengendalikan DWK ini khususnya, pihak EWPK perlu mengambilkira tujuan dan benefisiari yang ditentukan oleh para pewakaf, sekiranya ada. Walaubagaimanapun, pengwujudan wakaf am hendaklah diberi penekanan supaya aplikasi dana yang bakal diwujudkan ini tidak bersifat spesifik dan statik di mana ianya boleh disalurkan kepada mana-mana bentuk pembangunan dan keperluan yang perlu diberi pertimbangan segera. Melaluinya juga segala permasalahan wakaf khususnya bebanan kewangan Majlis Agama Islam Negeri dapat ditampung oleh dana ini.

<sup>51</sup> Cadangan diutarakan dalam ucaptama perasmian Mesyuarat Lembaga Gabenor IDB ke-30 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 23 Jun 2005. Lihat *Berita Harian*, 24 Jun 2005.

<sup>52</sup> Cadangan bagi pembentukan TWS ini pula dibuat oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan perasmian Ijtimak Wakaf dan Zakat Pulau Pinang: Perkongsian Pintar dengan Negara ASEAN (IWAZA 2007) di USM pada 26 Ogos 2007; lihat dalam *Berita Harian*, 27 Ogos 2007.

## Pembentukan Dana Wakaf Mengikut Perspektif Undang-Undang Malaysia

*Bidang Kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Wakaf*

Semua enakmen negeri telah memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas, dan sama ada yang membabitkan harta alih dan harta tak alih.<sup>53</sup> Secara umumnya, ia bertujuan untuk memajukan Islam dan umatnya.

Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No. 4 tahun 2004) misalnya memperuntukkan:

*“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisyiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal —*

- (a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- (b) semua nazr am; dan
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr ‘am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Pulau Pinang”.

Manakala seksyen 32 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 memperuntukkan:

*“Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisyiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor”.*

Dalam konteks perbincangan artikel ini, adalah jelas segala pengendalian urusan dana wakaf termasuk pembangunannya terletak di bawah bidang kuasa Majlis di negeri-

---

<sup>53</sup> Lihat misalnya Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Seksyen 83, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10 tahun 2003).

negeri. Namun pengendalian institusi lain boleh dibenarkan menerusi kebenaran Majlis sebagaimana yang turut dinyatakan dalam perbincangan seterusnya.

### **Pemakaian Peruntukan Statutori di Malaysia Untuk Pembangunan Dana Wakaf**

Merujuk kepada peruntukan-peruntukan statutori berkaitan wakaf, terdapat beberapa daripadanya yang sesuai untuk diadaptasikan dalam pembentukan dana wakaf ini.

Dalam kesempatan ini, penulis hanya akan membentangkan peruntukan undang-undang berkaitan di Wilayah-wilayah Persekutuan sahaja. Ini kerana peruntukan statut pentadbiran agama Islam negeri-negeri lain juga adalah hampir sama.<sup>54</sup> Ia membabitkan peruntukan-peruntukan berikut:

**Peruntukan Pertama: Seksyen 6, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505):** memberi kebenaran kepada Majlis melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau melaksanakan kuasa-kuasanya.

Terdapat beberapa pelantikan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk memenuhi tujuan di atas.

Di Wilayah Persekutuan misalnya, urusan wakaf dikendalikan oleh Sub-unit Sumber Am di bawah Unit Urusan Baitulmal. Sub-unit ini juga terlibat dalam urusan sumber-sumber lain Baitulmal seperti fidyah, *kaffārah*, *luqatah*, faraid dan lain-lain lagi. Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan telah dilantik untuk menguruskan pembangunan, sewaan dan kemajuan tanah wakaf di Wilayah Persekutuan.<sup>55</sup> Di Johor pula, Jawatankuasa Wakaf telah dibentuk di bawah Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978.<sup>56</sup> Di bawah Kaedah-kaedah Wakaf 1983,<sup>57</sup> jawatankuasa ini boleh, dengan persetujuan Majlis Agama Islamnya mengimarah, mengistibdal, mengistismar dan melabur *mawqūf* mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh Hukum Syarak.<sup>58</sup> Ia juga diberi kuasa untuk mewujudkan saham wakaf dan wakaf saham.<sup>59</sup> Sementara

<sup>54</sup> Ini termasuk statut pentadbiran agama Islam negeri yang baru seperti di Selangor dan Johor pada tahun 2003.

<sup>55</sup> Zainal Abidin Jaafar (1999), “Pengurusan Wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan Perancangan” dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 47.

<sup>56</sup> No. 14 tahun 1978.

<sup>57</sup> Johore Rules, J.P.U. 51/85.

<sup>58</sup> S. 9(1), *ibid.*

<sup>59</sup> S. 13(2), *ibid.*

itu di Melaka, Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang ditubuhkan di bawah Seksyen 21 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 mempunyai bidang kuasa antara lain untuk membangun, memaju dan meningkatkan *mawqūf* serta mentadbir Kumpulan Wang Wakaf.<sup>60</sup> Di Negeri Sembilan pula, bidang kuasa pentadbiran Kumpulan Wang Wakafnya terletak di bawah tanggungjawab Panel Penasihat Pengurusan Wakaf sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 24(2) Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Menurut Seksyen 22(2) enakmen tersebut, panel ini boleh pula menubuhkan jawatankuasa, dengan kelulusan Majlis, bagi membantunya menjalankan apa-apa fungsinya dan membuat pembayaran bagi maksud jawatankuasa itu.

**Peruntukan Kedua: Seksyen 7(1) (Akta 505):** kewajipan Majlis bagi kemajuan dan kesejahteraan sosio-ekonomi masyarakat Islam selaras dengan hukum Syarak. Peranan Majlis dalam membangunkan dana wakaf di negara ini adalah selaras dengan klausa di atas. Kesemua ini boleh dilihat menerusi pemakaian peruntukan-peruntukan statutori dalam perbincangan ini.

**Peruntukan Ketiga: Seksyen 7(2)(b) (Akta 505):** kuasa Majlis untuk menubuh atau memperkembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain (selain Majlis) untuk menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud seksyen 7(1) di atas sama ada ia dijalankan melalui kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas.

Dalam hal ini, cadangan untuk penubuhan badan lain untuk mengendalikan dana wakaf ini dan pembangunannya boleh diadaptasikan dalam pemakaian Seksyen 8(1) (Akta 505) (Peruntukan Ketujuh).

Mengenai pemakaian Seksyen 7(2)(b) di atas, Majlis sewajarnya boleh menggalakkan organisasi-organisasi dan badan-badan lain, khususnya yang mempunyai infrastuktur dan kemudahan dana serta tenaga profesional untuk sama-sama mengembelng usaha ke arah meningkatkan dana wakaf di negara ini. Kewujudan Syarikat Takaful Malaysia Bhd. yang telah memperkenalkan Pelan Takaful Wakaf sebagaimana yang disebutkan sebelum ini serta *IIUM Endowment Fund (IEF)* yang ditubuhkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<sup>61</sup> serta badan-badan yang lain hendaklah diberi sokongan dan

<sup>60</sup> Lihat S.24, enakmen No. 5 Tahun 2005.

<sup>61</sup> Ditubuhkan pada 15 Mac 1999 yang merupakan salah satu bahagian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penubuhannya telah diendos oleh Majlis Mesyuarat IIUM yang ke-48. *IIUM Wakaf Rules* 1999 pula telah diperkenalkan yang mula berkuatkuasa pada 16 Jun 1999. Lihat <http://www.iiu.edu.my/waqf/index2.html> dan <http://www.iiu.edu.my/waqf/index2.html> bertarikh 22 Oktober 2007.

galakan oleh Majlis demi objektif yang dinyatakan tadi. Mengenai kawalan ke atas organisasi-organisasi dan badan-badan ini sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen di atas, terpulanglah kepada Majlis Agama Islam di negeri berkenaan sama ada untuk membenarkan aktiviti yang dilaksanakan itu dibuat secara kawalan penuh atau kawalan separa ataupun secara bebas mengikut rundingan dan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Walaubagaimanapun, untuk mengesahkan pembabitan organisasi-organisasi dan badan-badan ini dalam pembangunan dana wakaf, kebenaran (menerusi apa-apa metode yang sewajarnya) daripada Majlis Agama Islam negeri berkenaan hendaklah dibuat terlebih dahulu memandangkan di Malaysia hanya Majlis sahaja yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.

**Peruntukan Keempat: Seksyen 7(2)(c) (Akta 505):** kuasa Majlis untuk menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud seksyen 7(1) di atas secara bersama dengan badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah Kerajaan Persekutuan, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Ini suatu pendekatan JV (*Joint Venture*) yang baik dalam situasi Majlis Agama Islam terbeban dengan kekangan dana dalam membangunkan harta wakaf di negeri mereka di mana kerjasama boleh dibentuk dengan badan-badan lain yang mempunyai kemudahan dana untuk memaju dan membiayai pembangunan harta wakaf sedia ada di samping mewujudkan dana yang baru. Prinsip-prinsip muamalah Islam yang dinyatakan sebelum ini bolehlah digunakan untuk merealisasikan tujuan yang dinyatakan.

Terdapat beberapa contoh yang berlaku di negara ini di mana Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) misalnya, ada mengadakan kerjasama dengan Johor Corporation sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini menerusi Klinik Waqaf An-Nur yang telah dapat mempromosikan produk *ṣadaqah jāriyah* ini di kalangan masyarakat membabitkan sumbangan daripada masyarakat dalam bentuk wang tunai dan peralatan hemodialisis.

YPEIM juga terlibat membangunkan harta wakaf bersama IDB demi untuk memberi nilai tambah kepada harta wakaf.<sup>62</sup> Lebih daripada itu, IDB pada hakikatnya telah mempunyai tabung wakafnya tersendiri dikenali sebagai *IDB Wakaf Fund* yang

---

<sup>62</sup> Hj. Abdul Malek Awang Kechil , *op.cit.*, h.192.

memperuntukkan dana wakaf untuk kebajikan umat Islam bagi negara yang menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) termasuk juga memperuntukannya kepada masyarakat bagi negara yang tidak menganggotainya.<sup>63</sup> Justeru, dicadangkan agar pihak Majlis yang belum lagi mulakan pendekatan kerjasama dalam meningkatkan dana wakaf negara supaya dapat melaksanakannya demi kemaslahatan Islam dan ummahnya. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) misalnya telah melaksanakan kerjasama dengan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk membangunkan tanah wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy di lot 168 dan 169 Jalan Perak dengan menggunakan metode pembangunan kontemporari, iaitu BOT (*Build, Operate and Transfer*) ataupun bina, kendali dan pindah. Sebuah menara 34 tingkat Gred A akan dibangunkan di atas tanah tersebut di mana TH Technologies dilantik sebagai kontraktor dan ianya dibiayai sepenuhnya oleh Tabung Haji. Apabila siap sepenuhnya, Bank Islam Malaysia Bhd. akan menjadi penyewa utama bangunan itu dengan menggunakan 30 tingkat daripadanya dan bakinya diperuntukkan sebanyak 3 tingkat untuk kegunaan MAIWP manakala 1 lagi akan digunakan oleh Tabung Haji.<sup>64</sup>

Penulis mencadangkan agar pemakaian konsep transaksi komersil Islam sebagaimana yang telah dilaksanakan di Singapura dan Arab Saudi dapat dilaksanakan dalam membangunkan projek-projek hasil kutipan dana wakaf ini. Metode pembangunan Islam ini pasti dapat mengenangkan suatu identiti tersendiri dan boleh menonjolkan keupayaan konsep-konsep hukum Syarak dalam membantu Majlis bagi membiayai projek-projek pembangunan wakaf negara.

**Peruntukan Keenam: Seksyen 7(2)(g) (Akta 505):** kuasa Majlis untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suaimanfaat. Peruntukan ini boleh digunakan oleh Majlis untuk melaksanakan apa-apa projek dan perancangan yang dapat menambah dana wakaf di negara ini asalkan ianya selaras dengan hukum Syarak. Kesemua ini juga boleh dilihat menerusi pemakaian peruntukan-peruntukan statutori dalam perbincangan ini.

**Peruntukan Ketujuh: Seksyen 8(1) (Akta 505):** kuasa Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menubuhkan sesuatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis bagi maksud seksyen 7(1) di atas.

<sup>63</sup> Lihat misalnya [http://www.nst.com.my/Current\\_News/BT/Friday/Nation/20050623235600/Article/](http://www.nst.com.my/Current_News/BT/Friday/Nation/20050623235600/Article/) bertarikh 14 Julai 2005.

<sup>64</sup> Berita Harian, 29 Mei 2007.

Menerusi peruntukan di atas, ternyata Majlis boleh menubuhkan sebuah perbadanan, dengan kelulusan ketua negeri masing-masing bagi maksud melaksanakan hal-ehwal berkaitan pembangunan dana wakaf. Penubuhan badan ini yang mana pengurusannya wajar dibuat secara korporat dan profesional diyakini dapat meningkatkan dana wakaf di negeri masing-masing apabila tumpuan khusus diberikan hanya kepada perkara wakaf sahaja. Setakat ini, di Malaysia telah ada Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn. Bhd yang juga terlibat dalam membangunkan harta wakaf yang berpotensi untuk dimajukan di samping mengukuhkan maklumat pangkalan data harta wakaf dan membantu dalam pendaftaran tanah wakaf di Negara ini. Kesemua ini dilakukan menerusi kerjasama yang dijalankan dengan Majlis Agama Islam negeri.<sup>65</sup>

**Peruntukan Kelapan: Seksyen 8A(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan 1995) (Akta A931):** kuasa Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk melaksanakan kewajipan atau kuasa-kuasanya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 (Akta 505);

Pendekatan ini sangat penting untuk diketengahkan oleh Majlis dalam usaha menambah dana wakafnya. Kejayaan pelaksanaan pusat-pusat zakat di Malaysia<sup>66</sup> yang ditubuhkan di bawah syarikat-syarikat Majlis dalam meningkatkan kutipan zakat dan fitrah<sup>67</sup>

<sup>65</sup> Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn. Bhd. ini merupakan syarikat milik YPEIM yang telah ditubuhkan pada 13 Disember 1995; Temubual bersama Pengarah Eksekutifnya, Tuan Hj. Tarmizi b. Mohd. Saad pada 5 Mac 1999. Lihat juga Tuan Hj. Tarmizi b. Mohd. Saad (2001), "Memperkasa Baitulmal Melalui Pembangunan Tanah Wakaf Dalam Menghadapi Era Globalisasi", Seminar Pembangunan Tanah Wakaf dan Baitulmal Peringkat Kebangsaan, Golden Legacy Hotel, Melaka pada 29-30 Oktober 2001, h. 2.

<sup>66</sup> Pusat-pusat zakat yang wujud di Malaysia pada hari ini adalah Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP), Majlis Agama Islam Pahang, Pusat Urus Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINP), Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Pusat Zakat Melaka (PZM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Pusat Zakat Sabah (PZS), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Di Selangor, ianya dikendalikan di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang baru sahaja ditubuhkan pada 1 Februari 2006 yang lalu. Sebelum penubuhan LZS, urusan zakat di Selangor dikendalikan oleh Pusat Zakat Selangor (PZS).

<sup>67</sup> *Laporan Zakat 2005*, PPZ, MAIWP, h. 82-93. Mengikut laporan ini, kesemua negeri telah mencatatkan kenaikan pada jumlah kutipan zakat harta dan fitrah tahun 2005, cuma Sarawak sahaja yang sedikit berkurangan, iaitu RM15,299,300.04 tahun 2005 berbanding RM15,566,982.51 pada tahun 2004 (lihat h.83). Lihat juga Siti Mashitoh Mahamood

hendaklah dijadikan model bagi merealisasikan klausu di atas. Menerusi syarikat yang dilantik yang akan menggunakan pendekatan korporat dan pengurusan profesional, maka diharapkan pengurusan dana dan harta wakaf di Negara ini akan dapat dipertingkatkan, sebagaimana juga berlaku kepada kutipan zakat dan fitrah. Ini memandangkan, syarikat ini akan diberi mandat yang khusus untuk hanya menumpukan kepada perkara-perkara berkaitan wakaf sahaja tanpa dicampur-adukkan dengan sumber-sumber Baitulmal lain sebagaimana yang berlaku sekarang.

Negeri Pulau Pinang telah merintis usaha dengan menujuhkan Permodalan Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd. yang merupakan anak syarikat yang dimiliki 100% oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).<sup>68</sup> Penubuhan ini adalah selaras dengan Seksyen 9(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong.

## Kesimpulan

Daripada kupasan tadi dapatlah dirumuskan bahawa kategori harta yang boleh diwakafkan bukanlah hanya terhenti kepada harta-harta tak alih sahaja, namun boleh juga dibuat dengan harta-harta alih termasuk dalam bentuk dana wakaf. Apa yang penting adalah Majlis Agama Islam Negeri selaku *mutawalli* atau pemegang amanah tunggal harta wakaf di negara ini hendaklah memastikan pembentukan wakaf yang dibuat selaras dengan hukum Syarak. Pembentukan dana wakaf ini adalah selari dengan keperluan sosio-ekonomi kontemporari negara. Pemakaian undang-undang muamalat Islam bolehlah digunakan bagi menjana keuntungan yang tinggi di samping dapat meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh Majlis dalam membiayai pembangunan harta wakaf. Peruntukan undang-undang sedia ada yang didapati relevan dengan pembangunan harta ini hendaklah digunakan seoptima mungkin oleh Majlis supaya harta dan dana wakaf dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Inisiatif dan usaha Majlis dalam merealisasikan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf negara dalam konteks yang dibincangkan ini dapat menggalakkan masyarakat untuk melakukan amalan ber*sadaqah jariyah* yang dapat memberi manfaat kepada diri pewakaf, benefisiari yang dinamakan serta membangunkan Islam dan ummahnya.

---

(2002), “Kajian Terhadap Pungutan Zakat di Wilayah Persekutuan”, *Pemikir*, Januari-Mac 2002, hh. 72-87 dan Ahmad Hidayat Buang (1999), “Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian”, *Jurnal Syariah*, Jilid 7, Bil. 2, Julai 1999, h. 148.

<sup>68</sup> Berita Harian, 30 Oktober 2006.